

Politik wang: Mahathir minta Hadi kemuka bukti

KUALA LUMPUR 3 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang mengemukakan bukti bahawa kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Sanggang adalah kerana politik wang.

Menurut Perdana Menteri, perkara itu perlu memandangkan Pas sememangnya selalu melemparkan fitnah dan melakukan pembohongan tanpa apa-apa alasan yang kukuh.

"Jadi saya hendak minta Abdul Hadi kemukakan bukti yang ada yang kononnya kita guna wang dan bagaimana kita guna wang itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas dakwaan Abdul Hadi semalam, bahawa kemenangan BN pada pili-

nya dari luar Sanggang sepanjang kempen pilihan raya itu.

Kebanyakan penyokong parti itu, jelasnya, dipercayai datang dari Kuala Lumpur, Kelantan, Terengganu dan Kedah.

Menurutnya, berdasarkan jumlah kenderaan seperti kereta dan penggunaan bendera yang banyak di merata-rata tempat di Sanggang, dipercayai parti pembangkang itu telah membelanjakan wang lebih daripada yang dibenarkan oleh undang-undang.

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan kemenangan BN kali ini.

Ini kerana katanya, majoriti pengundi Melayu yang sebelum ini memihak kepada pembangkang telah kembali semula menyokong UMNO dan ia terbukti berdasarkan penguasaan parti itu di 13 daripada 17 saluran peti undi.

han raya kecil Dewan Undangan Negeri Sanggang Sabtu lalu adalah kerana politik wang.

Abdul Hadi yang juga Timbalan Presiden Pas turut mendakwa, BN telah menggunakan jentera kerajaan bagi memastikan calonnya, Redzwan Harun menang dalam pilihan raya itu.

Mengulas lanjut, Presiden UMNO itu berkata, parti pembangkang sebenarnya sering menuduh BN melakukan perbuatan seumpama itu sedangkan perkara tersebut mungkin dilakukan sendiri oleh mereka.

"Apa yang dia buat, dia selalu tuduh orang lain buat.

"Saya tidak tahu sama ada mereka ada hulu duit kepada orang atau tidak. Saya tidak mahu membuat tuduhan sedangkan saya tidak dapat maklumat yang penuh," katanya.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir menegaskan, pihaknya mengetahui pihak pembangkang menggunakan wang yang banyak untuk membawa hampir 30,000 orang penyokong-

Menghasut

Ditanya sama ada BN mungkin akan menang lebih besar sekiranya Menteri Besar Pahang tidak menunjukkan isyarat lucah, Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan tersebut.

Katanya, penyokong pembangkang sememangnya telah merancang untuk menghasut Adnan agar berkelakuan sedemikian berdasarkan rakaman kamera yang dibuat mereka.

Ujar beliau, penyokong pembangkang juga sengaja berkelakuan tidak senonoh di hadapan Adnan sambil menanti dengan kamera agar Menteri Besar itu membalas balik perbuatan mereka itu.

"Saya ingat dia rancang ini. Adnan tak akan buat benda ini kalau tak ada provokasi yang begitu dahsyat."

Tegas Perdana Menteri, Pas memang cekap dalam soal menyebarkan fitnah dan boleh dianggap sebagai parti yang paling cekap di dunia melakukan perkara tersebut.